



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMAKLUMAN PENGOPERASIAN MAHKAMAH NEGERI PERLIS DI  
BANGUNAN BAHARU BERMULA PADA 3 JANUARI 2022**

Dalam misi Badan Kehakiman Malaysia untuk memberikan akses kepada keadilan dan keselesaan kepada semua pemegang taruh dan orang awam yang berurusan dengan Mahkamah, dimaklumkan bahawa Mahkamah Negeri Perlis akan mula beroperasi di bangunan baharu yang beralamat di Lot 8377, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis secara sepenuhnya bermula pada 3 Januari 2022.

Sehubungan itu, proses perpindahan akan dijalankan secara berperingkat bermula pada 17 Disember 2021. Walau bagaimanapun, operasi dan pendengaran kes adalah masih kekal di bangunan Mahkamah Perlis yang lama sehingga 31 Disember 2021.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam atau orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian/emel berikut:

**Mahkamah Negeri Perlis**  
Puan Siti Nor Hasliza Binti Md Ali  
Timbalan Pendaftar  
No. Tel: 04-9775210  
Emel: [norhasliza.mdali@kehakiman.gov.my](mailto:norhasliza.mdali@kehakiman.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 8 Disember 2021**